



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 29 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	SELF-SUFFICIENCY LEVEL OF FISH RESOURCES AT 92PC, SAYS MINISTER, MARTIN TF WONG -ONLINE FISH STATION LONJAK INDUSTRI PERIKANAN, UM -ONLINE FISH STATION JAMIN KESTABILAN BEKALAN DAN HARGA MAKANAN NEGARA, UTUSAN BORNEO -ONLINE SEKATAN LESEN IKUT ZON PULIHARA SUMBER LAUT, NASIONAL, BH -8 TANGKAP IKAN DI KAWASAN LARANGAN, NEGARA, KOSMO -17 TAMBAH UDANG GLAH DI SUNGAI ROMPIN, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	MANGGA TIADA PERMIT DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -17 BAHAYA MAKAN DAGING SELUDUP, LOKAL, HM -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	BIOECONOMY CORP, UITM METERAI KERJASAMA, EKONOMI, UM -37	BIOECONOMY DEVELOPMENT CORPORATION SDN BHD (BIOEKONOMI)
10. 11. 12. 13. 14.	ROHINGYA 'KUASA' TELUK KUMBAR, DALAM NEGERI, UM -29 GROWING OWN GREENS FOR HEALTHIER ALTERNATIVE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5 SKIL MEKATRONIK MANICKAVASAGAM, KS, KOSMO -19 SISTEM AUTOMASI BANTU MUDAHKAN TUGAS DI LADANG, K2, KOSMO -20 HIDROPONIK ATASI KEKURANGAN TANAH, K2, KOSMO -21	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2020	MARTIN TF WONG	ONLINE	

## Self-sufficiency level of fish resources at 92pc, says minister | Malaysia



Datuk Seri Ronald Kiandee said high value fishery products, especially from aquaculture were also exported to European Union countries, Japan and Australia with the export value in 2018 standing at RM3.1 billion. — **Pi**  
**PUTRAJAYA**, July 28 — The self-sufficiency level of fish resources in the country is currently high at 92.09 per cent, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee.

He said high value fishery products, especially from aquaculture were also exported to Singapore, China, the European Union countries, Japan and Australia with the export value in 2018 standing at RM3.1 billion. Per capita consumption in Malaysia is 46.9 kg per year, the second highest in South-east Asia after Cambodia at 63.2kg per year, and higher than the world's average per capita consumption of 20.5kg per year, he said.

Therefore, Kiandee said that the management and conservation of marine resources should be given attention to ensure that the fishing industry remains sustainable to contribute to the development of the living standards of the target group and to ensure food safety as well as to contribute to the national economy.

"Fish resources if widely exploited will create critical conditions and if left unchecked then the resources will be reduced," he told reporters after officiating the Fisheries Department's senior officials' conference and the Fish Station programme, here today.

Kiandee said his ministry was also implementing restrictions on issuance of licences and exploration according to licence zones to conserve marine resources.

"Our rich marine resources allow our people to enjoy seafood all the time and to appreciate the beauty of nature throughout the year. However, this will not last if not managed properly," he said.

On the Fish Station programme, Kiandee said that the concept revolves around promotion, sales, business matching, demonstrations, exhibitions and activities as well as fish-based product innovation that would be implemented at the Fisheries Department headquarters and state offices. — **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2020	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Fish Station lonjak industri perikanan



DR. Ronald Kiandee (tiga dari kiri) melawat gerai pameran produk perikanan selepas merasmikan Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan dan Fish Station di Putrajaya.

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan hari ini melancarkan program Fish Station bagi mempromosi, pepadanan perniagaan, demonstrasi serta inovasi produk-produk berasaskan perikanan.

Program tersebut dilihat selaras dengan hala tuju kementerian bagi meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pihaknya berharap program tersebut dapat merancakkan penglibatan pelaburan swasta dalam sektor pertanian.

"Program Fish Station ini juga dapat menambah baik ekosistem industri pertanian bagi menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pembangunan sektor tersebut.

"Ia juga mampu mengukuhkan struktur organisasi jabatan dan agensi-agensi di bawah MAFI secara menyeluruh," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perikanan dan Fish Station di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu adalah kedua-dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Datuk Che Abdullah Mat Nawi

Jelas Dr. Ronald, terdapat empat pengisian yang diterapkan dalam program tersebut.

Antaranya promosi dan jualan produk perikanan, inovasi, demonstrasi peralatan perikanan serta aktiviti aquarius.

Persidangan itu juga merupakan platform para pegawai kanan setiap peringkat untuk berinteraksi antara satu sama lain selain bertukar-tukar pandangan.

Selain itu, hala tuju 10 tahun akan datang bagi jabatan juga dibentang selain lapan perkara penting Jabatan Perikanan turut dibincangkan. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Fish Station jamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara



nelayan.

**DILANCAR:** Ronald Kiandee (tengah) melawat gerai pameran produk perikanan selepas merasmikan Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan dan Fish Station di Putrajaya.

**PUTRAJAYA:** Program Fish Station yang dilancarkan dilihat dapat memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan sekali gus selaras dengan hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, Program Fish Station ini dapat menambah baik ekosistem industri pertanian bagi menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan khususnya untuk petani, penternak dan

"Ia turut memperkukuhkan struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah MAFI untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus.

"Selain itu, program ini dapat merencanakan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian sekali gus menjadikan ia sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

"Pada masa sama MAFI berharap industri perikanan hiliran ini mampu menjana pendapatan lumayan kepada golongan agropreneur muda," katanya pada Majlis Persidangan Pegawai Kanan Jabatan Perikanan Malaysia Tahun 2020 di Pelancaran Fish Station Dewan Serbaguna, Putrajaya semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri MAFI I Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri MAFI II Datuk Che Abdullah Mat dan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Datuk Munir Mohd Nawi.

Jelas Ronald lagi, Program Fish Station dilancarkan dengan kerjasama rakan strategik di peringkat ibu pejabat dan negeri-negeri yang berkonsepkan promosi, jualan, pepadanan perniagaan, demonstrasi, pameran dan aktiviti serta inovasi produk-produk berasaskan perikanan.

"Terdapat empat pengisian yang akan diterapkan dalam program ini antaranya ialah Promosi dan Jualan Produk Perikanan, Promosi Produk Inovasi, Demonstrasi Produk dan Peralatan Perikanan, dan aktiviti Aquarius," katanya.

Berucap lanjut, Ronald berkata, persidangan kali ini mengumpulkan pegawai-pegawai kanan Jabatan Perikanan Malaysia yang terlibat dalam perancangan hala tuju Jabatan bagi 10 tahun akan datang berasaskan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama, RMK12 dan RMK13.

"Tema persidangan 'Norma Baharu Industri Perikanan' ini adalah amat bertepatan dengan keperluan fasa pemulihan ini.

"Persidangan ini juga merupakan platform di mana pegawai-pegawai di ibu pejabat, negeri-negeri serta institut penyelidikan berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan untuk memastikan pembangunan hala tuju jabatan yang mantap.

"Harapan saya ialah agar hala tuju yang akan dibangunkan boleh menyema-rakkan lagi industri perikanan negara dan pada masa yang sama menjamin kelestarian sumber yang amat penting ini," katanya.

Persidangan pada tahun 2020 ini memberi penekanan kepada lapan perkara penting yang menjadi tumpuan utama dalam melaksana fungsi DOF dalam mengurus sektor perikanan negara secara mampan.

Antaranya ialah Halatuju Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), Pengurusan Perikanan Tangkapan, Pembangunan Akuakultur Ke Arah Peningkatan Pengeluaran, Kelestarian Sumber Perikanan, Norma Baharu MCS, Sokongan Penyelidikan Ke Arah Peningkatan Pengeluaran dan Kelestarian Sumber Perikanan, Norma Baharu Pengembangan dan Pembangunan Sumber Manusia.

## Sekatan lesen ikut zon pulihara sumber laut

**Putrajaya:** Tahap kecukupan sumber perikanan dalam negara ketika ini adalah tinggi, iaitu 92.09 peratus.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande, berkata produk perikanan bernilai tinggi negara ini terutama hasil akuakultur juga dieksport ke luar negara seperti Singapura, China, Kesatuan Eropah (EU), Jepun dan Australia dengan nilai eksport produk perikanan pada 2018 adalah RM3.1 bilion.

Bellau berkata, penggunaan ikan perkapita negara ini adalah 46.9 kilogram (kg) setahun, kedua tertinggi di Asia Tenggara selepas Kemboja, iaitu 63.2kg setahun serta lebih tinggi berbanding purata penggunaan perkapita dunia, iaitu 20.5kg setahun.

"Aspek pengurusan dan pemuliharaan sumber laut harus diberi perhatian dalam memastikan industri perikanan kekal lestari untuk menyumbang kepada pembangunan taraf hidup kumpulan sasaran, menjamin keselamatan makanan serta sumbangan kepada ekonomi negara.

"Sumber perikanan jika dieksploitasi secara meluas akan mewujudkan keadaan kritikal dan kalau dibiarkan sedemikian maka sumber laut akan berkurangan," katanya selepas merasmikan Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perikanan dan Program Fish Station di sini, semalam.

Khande berkata, kementerian-nya mengambil beberapa pende-

katan, antaranya melaksanakan sekatan terhadap pengeluaran lesen dan penerokaan mengikut zon lesen bagi memelihara sumber laut dengan baik.

"Kekayaan ini membolehkan rakyat kita menikmati makanan laut sepanjang masa dan menghayati keindahan alam semula jadi sepanjang tahun. Namun, kekayaan ini tidak akan kekal sekiranya tidak diurus dengan baik," katanya.

Mengenai program *Fish Station*, Khande berkata, program yang berkonsepkan promosi, jualan, pemedanan perniagaan, demonstrasi, pameran dan aktiviti serta inovasi produk berasaskan perikanan akan dilaksanakan di peringkat ibu pejabat Jabatan Perikanan dan negeri.

**Sumber perikanan jika dieksploitasi secara meluas akan mewujudkan keadaan kritikal dan kalau dibiarkan sedemikian maka sumber laut akan berkurangan.**

**Ronald Khande,**  
Menteri Pertanian  
dan Industri Makanan



Khande melawat gerai selepas Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perikanan dan Program Fish Station di Putrajaya, semalam.



INILAH bot-bot nelayan tempatan yang digunakan oleh 14 PATI untuk menangkap ikan di kawasan larangan sebelum dirampas APMM di perairan Lumut baru-baru ini.

14 PATI diberkas dalam operasi selama 4 hari

## Tangkap ikan di kawasan larangan

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

LUMUT - Maritim Malaysia (APMM) Perak menahan 14 pendatang asing tanpa izin (PATI) dan merampas lima buah bot nelayan tempatan yang digunakan untuk menangkap ikan di kawasan larangan dalam operasi selama empat hari bermula 22 Julai lalu.

Pengarah APMM Negeri Perak, Kapten Maritim Shahrizan Ramon berkata, kes pertama melibatkan sebuah bot nelayan tempatan kelas C yang ditahan di 5.7 kilometer barat Pulau Jarak pada pukul 6.30 petang 22 Julai lalu.

Katanya, APMM kemudian menahan sebuah lagi bot pukat tunda kelas B di kedudukan 1.6

kilometer barat daya Pulau Jarak pada pagi Sabtu lalu.

Pada pukul 11.12 malam pula, APMM menahan tiga buah bot nelayan kelas A yang disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan tanpa permit di kawasan Sungai Tiang di Bagan Datuk selepas menerima maklumat awam.

"Kita turut menahan 14 PATI menerusi rampasan bot-bot tersebut. Pemeriksaan mendapati kesemua bot itu telah melanggar syarat sah lesen mengikut Akta Perikanan 1986 dan Akta Imigresen 1959/63," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kesemua PATI yang ditahan itu merupakan war-

ga Thailand (1), Myanmar (7) dan Indonesia (6). Kesemuanya tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

Menurut Shahrizan, kesemua tahanan dan bot itu kini berada di Pusat Tahanan Vessel di Kampung Bharu Lumut untuk siasatan lanjut," katanya.

"Pelanggaran sistem penganan oleh bot-bot tersebut telah menjejaskan hasil tangkapan kepada nelayan tradisional," katanya.

Ujar Shahrizan, pihaknya akan terus memantau dan memperkuatkan sempadan perairan negara khususnya melalui Ops Benteng Laut untuk mengesok kemasukan PATI dan jenayah rentas sempadan.

## Tambah udang galah di Sungai Rompin

ROMPIN - Jabatan Perikanan Pahang melepaskan sebanyak 50,000-ekor benih udang galah ke Sungai Rompin bagi mengekalkan populasi spesies itu di kawasan berkenaan semalam.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, program kali ketiga itu dilaksanakan bagi menambah stok sumber perikanan sungai khususnya di Rompin yang terkenal dengan sumber udang galah.

"Sehingga Julai tahun ini, sebanyak 150,000 benih udang galah telah dilepaskan bermula di Sungai Pahang, Sungai Bera dan Sungai Rompin.

"Kami sentiasa mengorbankan perhatian terhadap populasi

udang galah dan juga ikan di perairan sungai yang mempunyai pelbagai spesies bernilai," katanya ketika ditemui di Kampung Gading di sini semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Muadzam, Ir. Razali Kassim dan Ketua Kampung Gading, Che Mohd. Shairi Che Wil.

Tambahnya, sepanjang tahun lalu, pihaknya telah melepaskan sebanyak 1.77 juta ekor benih ikan dan 331,300 udang galah ke dalam sungai di Pahang.

Menurut Abdullah, pihaknya berharap tiada pihak yang membuat pencemaran sungai bagi memelihara hidupan spesies hidupan air tawar.



ABDULLAH (duduk, kiri) melepaskan benih udang galah di Sungai Rompin semalam.



INILAH mangga yang dirampas selepas didapati tidak mempunyai nombor permit seperti yang disyorkan di KLIA, Sepang 24 Julai lalu.

## Mangga tiada permit dirampas

SEKANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) merampas 360 kilogram (kg) mangga dianggarkan bernilai RM13,962 di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 24 Julai lalu.

Pengarah Majlis Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, pihaknya mendapati sijil fitosanitasi mangga yang diimport dari China itu tidak mempunyai nombor permit seperti yang disyorkan.

"Setiap barang yang dibawa masuk hendaklah menyatakan nombor permit sah dalam sijil

fitosanitasi bagi keluaran pertanian yang diimport ke Malaysia.

"Ini bagi memastikan bahawa keluaran pertanian yang dibawa tersebut telah menjalani rawatan yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kegagalan mengikut arahan itu menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Menurut Tarmisal, mengikut akta itu, mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-

duanya sekali.

"Tidak tangkapan dilakukan kerana mangga itu diimport dari luar dan kita dapat merampasnya sebelum ia tiba di pasaran.

"Pihak Majlis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini," katanya.

Sehubungan itu beliau meminta orang ramai agar berhati-hati jika ingin membeli buah-buahan dari luar negeri yang perlu melalui peraturan tertentu.

29/7/2020

HARIAN  
METRO

LOKAL

16

Oleh Suraya Roslan  
surayaroslan@hmc-  
pro.com.my

## Putrajaya

**D**alam kemeriahan dan kegembiraan menyambut Aidiladha yang bakal menjelang Jumaat ini tanpa disedari pemakan daging berdepan risiko mengalami masalah kesihatan serius termasuk keguguran buah ibu hamil dan demam yang berulang.

Umum mengetahui disebabkan kekurangan bekalan daging tempatan, lembu atau kerbau diimport dari negara luar termasuk Thailand.

Malangnya demi mengaut keuntungan mudah, ada sindiket dan penyeludup mengambil kesempatan menyeludup haiwan berkenaan yang dikawatir bakal membawa pelbagai penyakit jika tidak menjalani proses kuarantin di kendali Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Antara penyakit itu ialah *tuberculosis* atau batuk kronik dan *brucellosis* yang boleh menyebabkan masalah kesihatan buat ibu hamil dan kemandulan buat lelaki manakala penularan wabak lembu gila dan penyakit kaki dan mulut (FMD) boleh menjejaskan Industri haiwan tempatan.

Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Maqis Dr Azhari Sharidan Abu Bakar berkata, dari Januari hingga Disember 2019, sebanyak 359 lembu seludup dirampas pihaknya dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain di sempadan negara membabitkan nilai RM816,800.

"Demi memastikan

# Bahaya makan daging seludup

## Maqis zahir kekhuatiran haiwan gagal jalani pemeriksaan boleh bawa masalah kesihatan

bekalan daging selamat dimakan pengguna, Maqis tidak berkompromi dengan kegiatan berkenaan dan sentiasa mempertingkatkan kawalan bersama agensi penguatkuasaan di sempadan negara terutama mengetahui permintaan daging bakal meningkat pada Aidiladha ini," katanya dalam temu bual khas di Ibu Pejabat Maqis di Putrajaya.

Menurutnya, dari Januari hingga Jun ini, pihaknya dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain merampas 44 lembu yang diseludup di seluruh negara membabitkan nilai RM96,000.

"Nilai kompaun yang dikenakan oleh Maqis kepada pengimport yang tidak mematuhi prosedur pengimportan berjumlah RM3,000 manakala hasil sitaan dilucutkan nilai RM14,053," katanya.

Ditanya mengenai bahaya penyakit *brucellosis*, Azhari berkata, ia boleh menyebabkan

**44**  
jumlah lembu dirampas Maqis dari Januari hingga Jun ini di seluruh negara

keguguran buah ibu hamil dan kemandulan.

"*Brucellosis* boleh menyebabkan keguguran dan kemandulan pada ternakan lembu kerbau dan keadaan ini menyebabkan kerugian kepada penternak jika ternakan mereka dijangkiti kuman ini.

"*Brucellosis* adalah penyakit zoonotik yang boleh menjangkiti manusia. Jika manusia dijangkiti, ia boleh menyebabkan demam berulang-ulang, keguguran kandungan, kemandulan selain okitis pada lelak," katanya.

Menurutnya, selain itu, penyakit kuku dan mulut (FMD) adalah penyakit yang sangat mudah merebak dan boleh menyebabkan kerugian yang tinggi kepada industri ternakan.

"Jangkitan

“*Brucellosis* boleh menyebabkan keguguran dan kemandulan”  
Dr Azhari Sharidan



PARAS air di Sungai Golok juga mempengaruhi kegiatan penyeludupan lembu dari Thailand.

dalam kalangan ternakan tanpa imuniti boleh menjadi serius dan menyebabkan kematian ternakan. Kejadian penyakit FMD dalam sesebuah negara sering menjejaskan kestabilan ekonomi dan sosial.

"Penyakit lain yang berisiko untuk masuk ke dalam negara sekiranya penyeludupan lembu berleluasa adalah penyakit *Tuberculosis* (TB).

"Penyakit ini disebabkan bakteria *Mycobacterium bovis* yang boleh menyebabkan batuk kronik pada ternakan dan manusia, jangkitan boleh merebak dengan meluas dan risiko lebih tinggi kerana amalan menjual susu mentah di pasaran tempatan," katanya.

Azhari berkata, terdapat lebih 30 penyakit ruminan boleh berlaku sekali gus pencegahan langkah kuarantin amat penting.

"Ketidakkucupan ternakan tempatan menyebabkan hampir 90 peratus lembu atau kerbau diimport dari luar negara bagi menampung jumlah permintaan. Ia termasuk jumlah lembu yang diseludup terutama ketika musim perayaan Aidiladha.

"Lembu atau kerbau yang dibawa dari luar negara perlu dikuarantin bagi mengenal pasti penyakit bawaannya," katanya.

Ditanya modus operandi sindiket penyeludupan, Azhari mengesahkan sindiket memulakan kegiatan mereka beberapa minggu sebelum musim perayaan kerana permintaan sangat tinggi ketika itu.

"Pada musim Aidiladha, permintaan terhadap daging lembu segar meningkat sehingga 80 peratus daripada biasa menyebabkan peningkatan aktiviti penyeludupan di sempadan negara.

"Kebiasaannya kadar penyeludupan boleh



dikatakan berkadar langsung dengan paras Sungai Golok di Kelantan di mana apabila paras sungai tinggi, kadar penyeludupan menurun dan sebaliknya apabila paras rendah, kadar penyeludupan akan meningkat.

"Kegiatan ini lebih tertumpu pada waktu Maghrib sehingga tengah malam. Hasil risikan, beberapa lori akan menunggui di tepi sungai dan ternakan akan dibawa merentasi sungai sebelum dimuatkan ke dalam lori.

"Bagaimanapun, kerjasama rapat antara Maqis dengan agensi penguatkuasaan di sempadan banyak membantu untuk penahanan kes penyeludupan," katanya.

Menurutnya, antara kawasan tumpuan bagi kegiatan penyeludupan lembu adalah di sepanjang sungai dari Pengkalan Kubur hingga ke Bukit Bunga, Jeli, Kelantan.

"Keluasan sungai sepanjang 96 kilometer ini diibaratkan lubuk emas bagi penyeludup di mana aktiviti ini boleh dilakukan dalam sekelip mata sahaja kerana jarak sempadan yang tidak sampai 50 meter antara satu sama lain dengan merentasi Sungai Golok," katanya.

Beliau berkata, lembu yang diimport akan menjalani proses kuarantin selama 14 hari mengikut prosedur kuarantin diamalkan Maqis.

"Proses kuarantin dilakukan selepas lembu itu melepasi pemeriksaan di sempadan namun pengimport perlu membuat tempahan sesi kuarantin dengan stesen kuarantin Maqis.

"Lembu yang tiba di sempadan akan diperiksa dokumentasi seperti permit import daripada Maqis dan sijil kesihatan veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar negara asal dan perlu dilakukan saringan gejala penyakit.

"Jika dikesan berpenyakit, haiwan itu tidak akan dibenarkan masuk ke Malaysia atau dilupuskan.

"Di pusat kuarantin pula, lembu akan diperiksa sekali lagi sebelum dilepaskan. Proses pengambilan darah dilakukan sebelum pemberian vaksin diberikan sepanjang 14 hari tempoh kuarantin," katanya.

Menurutnya, jika penyakit dikesan masih ada pada haiwan berkenaan, ternakan akan terus dikuarantin dan hanya boleh dilepaskan dengan kawalan sembelihan yang ketat selepas bebas daripada penyakit tertentu.

"Bagaimanapun jika penyakit terus dikesan, lembu berkenaan akan dibawa ke pusat penyembelihan kerajaan atau dimusnahkan di situ.

"Hanya daging boleh diambil manakala organ dalaman khususnya pembersihan akan dibuang," katanya.



LEMBU yang diimport akan menjalani proses kuarantin selama 14 hari mengikut prosedur diamalkan Maqis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2020	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	37

## Bioeconomy Corp., UiTM meterai kerjasama

**KUALA LUMPUR:** Syarikat berasaskan bio dan bioteknologi, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd. (Bioeconomy Corporation) menandatangani surat niat (LOI) bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk memajukan program kerjaya dan kemahiran dalam bidang bioteknologi serta sektor pertanian dan industri makanan yang berasaskan bio.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Mohd. Khairul Fadzal Abdul Razak, menerusi LOI ini kedua-dua pihak akan mengendalikan program latihan akademik dan profesional serta promosi untuk program kerajaan dalam bidang yang berkaitan, berkomunikasi dan bekerjasama dalam pengkomersialan penyelidikan saintifik serta bekerjasama dalam program kebolehpasaran siswazah.

Antara program kerjaya dan kemahiran yang dijalankan oleh Bioeconomy Corporation termasuklah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) apabila syarikat tersebut dilantik sebagai agensi pelaksana oleh Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Selain itu, ia turut mengendalikan program Pensijilan Pencapaian Terdahulu (PPT) iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) (PPT-SKM) di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Sumber Manusia," katanya dalam kenyataan semalam.

Melalui program JPK dan PENJANA, UiTM akan bekerjasama dengan Bioeconomy Corporation untuk menggalakkan graduan dan alumni mengambil bahagian dalam program JPK dan Penjana.



29/7/2020

UTUSAN

DALAM

29

MALAYSIA

NEGERI

Nelayan tempatan risau pendapatan terjejas

# Rohingya 'kuasai' Teluk Kumbang?

Oleh **MOHD. KHUZAIRI ISMAIL**  
khuzairi.ismail@mediamajlis.com.my

**TELUK KUMBAR:** Daripada hanya beberapa buah keluarga kira-kira 10 tahun lalu, etnik Rohingya di perkampungan nelayan Teluk Kumbang kini bertambah hampir 300 buah keluarga.

Malah, pertambahan penduduk warga Myanmar di perkampungan nelayan tersebut didakwa semakin pantas sejak kebelakangan ini sekali gus menimbulkan keresahan penduduk tempatan.

Bukan itu sahaja, majoriti mereka yang bekerja sebagai nelayan turut didakwa menjejaskan pendapatan nelayan di situ yang kini terpaksa pula bersaing dengan orang luar.

Bagi Bakri Bakar, 54, ketua jualan nelayan Rohingya di Teluk Kumbang itu sebelum ini bukan sesuatu yang asing dalam kalangan penduduk dan nelayan tempatan sejak beberapa tahun lalu.

Namun, katanya yang lebih 30 tahun sebagai nelayan di situ, pertambahan jumlah mereka semakin mendadak sejak akhir-

flat selain ada yang tidur di dalam sampan masing-masing.

Bakri berkata, penduduk tempatan turut bimbang masalah sosial dan penyalahgunaan dadah yang dibawa etnik berkenaan.

Sementara itu, Saidin Othman, 40-an berkata, meskipun tidak mempunyai lesen dan permit sah, etnik Rohingya mampu menggunakan sampan dengan enjin lebih tinggi.

Keadaan itu, tambahnya, membolehkan nelayan Rohingya berkenaan menangkap ikan di kawasan laut lebih dalam dan membawa hasil pulangan lebih banyak.

Kumpulan nelayan itu juga seolah-olah bekerja 24 jam sehingga ketika tengah malam dan mengaut hasil tanpa henti.

"Kadang-kadang bot berkuasa tinggi mereka juga menyebabkan kerosakan kepada pukat-pukat nelayan pantai sekali gus mengakibatkan kerugian," katanya.

Saidin menggesa pihak berkuasa memantau kemusuhan nelayan etnik Rohingya berkenaan supaya tidak terus menjejaskan nelayan tempatan.



**KAWASAN** perikanan Teluk Kumbang, Pulau Pinang didakwa semakin dipenuhi nelayan etnik Rohingya termasuk yang berpindah dari Bukit Malut, Langkawi, Kedah, sekali gus menimbulkan rasa kurang senang penduduk tempatan.

akhir ini mula mencetuskan rasa kurang senang dalam kalangan nelayan tempatan.

Tambahnya, difahamkan kebanyakan nelayan Rohingya itu tidak mempunyai lesen dan permit perikanan yang sah namun bebas menangkap ikan di perairan negeri ini.

"Kami tidak ada masalah berkongsi hasil laut dengan mana-mana nelayan sekali pun, tetapi biarlah dilakukan mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada.

"Jika kami perlu berdaftar dan mematuhi semua syarat ditetapkan kerajaan untuk tu-

run ke laut, mengapa kumpulan nelayan Rohingya itu seperti bebas-dan boleh menangkap ikan sesuka hati," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Difahamkan, kumpulan nelayan etnik Rohingya itu mula menyewa di sekitar Teluk Kumbang termasuk di rumah-rumah

# Growing own greens for healthier alternative

► Enthusiast starts urban farm cultivating crops using productive, environmentally-friendly methods

■ BY ELY FAZANIZA  
newsdesk@thesundaily.com

THERE are many good reasons to cultivate your own greens. You can ensure that your crop is pesticide free, there will be an endless supply and it can be an environmentally-friendly enterprise.

But lately, enthusiasts have found another reason to grow their own vegetables. The United Nations Food and Agricultural Organisation had recently warned that the Covid-19 pandemic could have a negative impact on food production and supply.

For Irfan Mohamed, what better way to address this problem than to start your own farm, even if you live in an urban area.

The director and co-founder of Urban Hijau is always happy to teach enthusiasts how to grow vegetables and fruits in a productive and environmentally-friendly way.

Urban Hijau is a social enterprise that promotes the use of permaculture in farming, an essential way to cultivation in a land-scarce urban setting. Since it was started five years ago, about 200 volunteers have already worked at the farm at some point.

This is one of nine such farms in the Klang Valley. At his farm in Sungai Penchala, near Petaling Jaya, Irfan has up to 50 species of crops under cultivation. They include kangkong, red brinjol, kale and bawang. All of them are



Irfan working on his farm in Sungai Penchala, Damansara. — ZAHNID IZZAH/UTHESSUN

he said.

As the Urban Hijau farm was on a slope, there was fear of erosion, so a farmer volunteered to plant vetiver, a tall grass native to India, to prevent soil movement. Their first crop was the humble ginger that was ripe for harvest after nine months.

"Just like a baby," Irfan said with a laugh. They have since experimented with other crops and even grown heirloom, or non-hybridised plants.

"I prefer them because we can trace the origin of the seed. The added benefit is that heirloom crops are more resilient and easier to harvest." For fertilisers, Urban Hijau uses vermi-compost. According to Irfan, worms are used to mix decaying

vegetables and food waste.

He said garlic and chilli can be used to deter bugs from attacking the crops.

"More importantly, the compost should not have an odour."

The demand for organic vegetables has grown as more consumers become aware of their benefits.

Some consumers even place orders before the harvest reaches the market.

Irfan's goal is to "bridge the gap between people and plants".

Ideally, he said, there should be a farm in every urban residential area.

For those who want try their hand at urban farming, Irfan's advice is to start with hardy but easy-to-cultivate plants.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2020	KOSMO	K2	19



RABU 29/07/2020

**K2**  
Mengalami  
Hidup Anda

# Skil mekatronik Manickavasagam

Kosmo!

BERBEKALKAN kemahirannya dalam bidang mekatronik iaitu gabungan antara komputer, mekanikal dan elektronik, P. Manickavasagam telah merubah kawasan parkir kereta dalam sebuah bangunan di Shah Alam, Selangor menjadi ladang tembikai wangi yang canggih.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2020	KOSMO	K2	20



LADANG tembikai wangi yang diusahakan Manickavasagam di tempat parkir Plaza Sri Muda, Shah Alam, Selangor ini menggunakan kaedah hidroponik dan fertigasi. - MUHAMAD IQBAL ROSLI



Rencana  
Utama

Oleh  
MOHD. SHAZWAN  
YUSOP

## Sistem automasi bantu mudahkan tugas di ladang

**S**EGAK berbau kemeja, berseluar pejabat serta berkasut kulit, lelaki berusia 60 tahun itu melangkah gagah menuju ke ladang tembikai wangi (rock melon) di kawasan parkir, Plaza Sri Muda, Shah Alam, Selangor.

Sebaik tiba di ladang, P. Manickavasagam terus meneliti skrin telefon pintarnya untuk menyukat lapadu air di dalam tangki. Dia kemudian bergerak ke pusat kawalan elektrik yang menempatkan kotak putih beraziz kecil untuk menyelaraskan jumlah pemberian cecair baja di dalam paip-paip di ladangnya.

Hanya mehuangkan masa selama 15 minit di kawasan parkir itu, Manickavasagam kemudian berlalu pergi selepas meneliti tumbesaran pokok dan memastikan tiada serangan serangga perosak.

Itulah rutin harian lelaki berasal dari Pandamaran, Klang itu sejak sedekad lalu setiap kali melawat ladang tanaman tembikai wangi pada sebelah pagi dan petang.

"Sebagai petani pada era moden,



MANICKAVASAGAM berjaya meraih pendapatan sehingga RM6,000 setiap kali perualan tembikai wangi.

saya menguruskan ladang seluas 30.48 x 60.96 meter (m) ini dengan hanya menggunakan sebuah telefon pintar dan kemudahan internet.

"Saya tidak perlu lagi bersusah-susah mencangkul tanah, memberi baja, menyembur racun atau menyiram air dengan kudrat sendiri. Semuanya di hujung jari," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Manickavasagam yang juga merupakan pemilik Kolej Vis Mechatronic berjaya mengubah kawasan parkir di aras atas atau tingkat empat bangunan itu menjadi ladang tembikai wangi.

Dia berjaya menanam 3,600 pokok tembikai wangi di kawasan parkir kereta berkenaan tanpa sumber tanah. Daripada jumlah itu, 3,200 pokok ditanam secara hidroponik, manakala selebihnya kaedah fertigasi.

Hidroponik adalah kaedah bercucuk tanam dengan meletakkan akar pohon ke dalam air baja (nutrien) tanpa menggunakan tanah. Fertigasi pula kaedah pemberian baja melalui sistem pengaliran titis.



LADANG tembikai wangi milik Manickavasagam menggunakan sistem automasi sepenuhnya bagi pengaliran air dan baja.

Menerusi kedua-dua kaedah penanaman tersebut, Manickavasagam berjaya meraih pendapatan lumayan iaitu antara RM7,000 hingga RM8,000 setiap kali tuai. Waktu tuai tembikai wangi adalah setiap 75 hari selepas pokok ditanam.

Setiap pokok dihadkan pengeluaran antara satu atau dua biji dengan berat antara lebih 1.5 kilogram (kg) hingga 2 kg. Setiap 1 kg buah gred A dijual dengan harga RM4 kepada pemborong dan selebihnya dijual ke pasar raya di sekitar Lembah Klang.

"Ramai tidak tahu banyak kelebihan menanam tembikai wangi di kawasan parkir ini. Di atas ini, tidak ada masalah rumput dan serangan serangga juga kurang. Lagipun tanaman ini memang memerlukan kawasan panas dan berangin," ujarnya.

Kongsinya, idea penanaman tembikai wangi di parkir tercetus apabila melihat tempat letak kereta berkenaan tidak digunakan dan terbiar.

Justeru, Manickavasagam telah memohon kepada pihak pengurusan bangunan untuk menyewa tapak parkir berkenaan dengan harga RM800 sebulan.

"Kolej saya terletak di aras tiga bangunan ini juga. Apabila tengok kawasan parkir ini tidak digunakan.

### INFO

#### Tembikai wangi

- Nama botaninya *Cucumis melo L.* dalam famili *Cantaloupe* yang berasal dari Amerika Syarikat
- Negara pengeluaran utama ialah Jepun, Australia dan Taiwan
- Kawasan tanaman utama di Malaysia ialah Selangor, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan dan Sabah
- Kebanyakan penanaman diusahakan secara fertigasi
- Buah mencapai kematangan pada usia 75 hari selepas ditanam

saya kemudian minta kepada pihak pengurusan untuk menyewa tapak ini bagi penanaman tembikai wangi.

"Pada mulanya, ladang ini dibuka untuk pembelajaran para pelajar saya. Namun, tidak sangka pula ia kekal selama 10 tahun dan hasilnya juga lumayan," ujarnya.

Memandangkan tempat parkir berkenaan tidak bertanah, Manickavasagam memanfaatkan sepenuhnya kemahiran mekatroniknya dengan mengadakan penanaman berasaskan teknologi hidroponik dan fertigasi.

Menerusi kaedah hidroponik Manickavasagam menggunakan

48 batang paip dengan setiap paip sepanjang 6.09 m, manakala fertigasi pula ditanam di dalam polibeg yang mengandungi sabut kelapa.

Kedua-dua kaedah tersebut dilengkapi sistem automasi bagi mengawal campuran air dan baja di dalam tangki air. Sistem itu membolehkan jumlah air campuran baja serta kekerapan saliran dikawal dengan mudah hanya menerusi telefon pintar.

"Sistem ini saya buat sendiri hasil pengalaman sebagai jurutera selama 17 tahun. Saya pasang kotak fius dan tetapkan di dalam komputer waktu air dan baja perlu disalurkan kepada pokok. Setiap dua jam, air akan mengalir menerusi paip yang ditanam dekat pokok-pokok ini," katanya.

Menerusinya, Manickavasagam dapat menjimatkan tenaga kerana kerja-kerja memantau pokok tidak perlu dilakukan pada setiap masa. Selain menjimatkan tenaga kerja, teknologi itu juga membantu mengelakkan pembaziran air dan baja sehingga menyebabkan kerugian.

Tegasnya, pemberian air dan baja melalui automasi lebih tepat kerana ia disukat oleh komputer berbanding sukat dilakukan manusia.

Seperti tanaman lain, penanaman tembikai wangi juga mempunyai cabaran tersendiri. Menurutinya, halangan terbesar tanaman ini adalah tumbesaran pokok terbantut.

Maklumnya, setiap 1,500 pokok yang ditanam, dianggarkan 100 hingga 200 pokok tidak membesar seperti yang dikehendaki sekali gus menyebabkan hasil berkurang.

Manickavasagam boleh berbangga apabila model ladang yang diusahakannya berjaya menarik minat Jabatan Pertanian Malaysia.

Dia telah dijemput untuk memberi penerangan dalam forum berkaitan pertanian selain menerima kunjungan daripada para petani dari seluruh negara.

"Semua orang boleh menggabungkan antara teknologi dengan pertanian, tidak semestinya perlu ada kemahiran mekatronik seperti saya sahaja untuk melakukannya. Lagipun, teknologi yang digunakannya tidak terlalu kompleks," ujarnya.



SALINI

## Hidroponik atasi kekurangan tanah

AKTIVITI pertanian komersial sering dikaitkan dengan kawasan luar bandar. Ini berbeza dengan bandar besar seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur yang ruang tanahnya agak terhad untuk penanaman pokok berkituan pembangunan pesat.

Menerusi teknik penanaman hidroponik, masalah kekurangan tanah bukan lagi penghalang masyarakat menceburi bidang pertanian komersial.

Hidroponik adalah kaedah bercucuk tanam dengan meletakkan akar pohon ke dalam air baja (nutrien) tanpa menggunakan tanah.

Penolong Pegawai Pertanian, Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian, Salini Sulaiman berkata, hidroponik ialah kaedah terbaik untuk mengatasi masalah kekurangan tanah.

Jelasnya, menerusi kaedah berkenaan, sesetengah sahaja boleh melibatkan diri dalam pertanian komersial termasuk mereka yang tinggal di kawasan bandar.

"Penanaman secara hidroponik semakin menjadi pilihan para petani moden. Menerusi kaedah ini, pelbagai tanaman sayuran dan buah-buahan dapat diusahakan tanpa menggunakan tanah.

"Misalnya di Singapura, disebabkan kekurangan tanah, bumbung-bumbung bangunan dijadikan tempat untuk menanam sayuran seperti sawi, kailan dan bayam," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Mengikut sejarah, kaedah ini telah lama digunakan iaitu sejak kurun ke-16 Masihi. Taman Tertantum Babylon dipercayai telah menggunakan hidroponik sebagai satu kaedah penanaman tanaman.

Pada tahun 1937, W.E. Gerick dari Pusat Penyelidikan Pertanian California, Amerika Syarikat telah mengkomersialkan kaedah tersebut.

Menerusi Salini, hidroponik mempunyai banyak faedah yang tidak terdapat pada kaedah penanaman konvensional di atas tanah.

"Menerusi kaedah ini, petani tidak perlu membazir masa membuang pokok, membajak tanah dan membuat batak. Proses penanaman semula boleh dilakukan dalam tempoh hanya sehari," ujarnya.



BUAH tembikai wangi seperti ditaman dalam persekitaran panas dan berangin.